



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

27 MEI 2021


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **217 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **61,274 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Kunak. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 134 menjadikan jumlah kumulatif 59,102 orang. Seramai 1,296 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 419 orang di hospital, 874 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara tiga (3) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 61 orang dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Keningau berubah dari zon jingga ke zon merah manakala Daerah Ranau bertukar dari zon kuning ke zon hijau.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 12 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

5 Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan penurunan sebanyak 12 kes iaitu daripada 229 kes kelmarin (26 Mei 2021) kepada 217 kes (27 Mei 2021).
- ii Daripada 217 kes positif ini, sebanyak dua (2) kes hasil dari saringan kluster baharu, 42 kes hasil dari saringan kluster yang sedia ada, 10 kes hasil dari saringan bersasar (PKPD), 117 kes hasil dari saringan kontak rapat, 37 kes hasil dari saringan bergejala, tiga (3) kes hasil dari saringan kategori kemasukan wad/prosedur/penjaga, satu (1) kes hasil dari saringan pekerjaan dan tiga (3) kes hasil dari saringan lain-lain kategori. Manakala satu (1) kes kematian telah dilaporkan.
- iii Terdapat peningkatan kes untuk 11 daerah di Negeri Sabah namun catatan peningkatan kes tersebut bagi setiap daerah masih dalam satu (1) angka.
- iv Berlaku penurunan kes untuk sembilan (9) daerah dalam julat satu (1) angka, kecuali daerah Tawau yang mencatatkan penurunan dalam julat dua (2) angka.
- v Setakat hari ini, tujuh (7) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Ranau, Tambunan, Nabawan, Kota Marudu, Beluran, Telupid dan Tongod.
- vi Keberkesanan penurunan kes dalam membendung penularan pandemik COVID-19 ini sangat bergantung kepada sejauh mana kesungguhan komuniti dalam pematuhan SOP kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Desa Ranggu di Tawau adalah kluster yang tercetus sempena perayaan aidilfitri melibatkan individu yang telah lengkap vaksinasi masing-masing pada 06 Mac 2021 (Dos 1) dan 17 Mac 2021 (Dos 2). Individu yang juga kluster indeks bagi kluster ini merupakan wanita, 53, mempunyai gejala sejak 15 Mei 2021, kemudiannya disahkan positif di Klinik Kesihatan Tawau pada 20 Mei 2021 hasil saringan bergejala. Susulan kes itu, saringan kontak rapat dan kontak sosial mendapati 17 lagi kes positif, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 18 kes. Berdasarkan siasatan awal, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan daripada satu (1) kontak sosial yang berhari raya ke rumahnya pada 13 Mei 2021. Kontak sosial terbabit mempunyai rekod pergerakan ke tiga buah rumah di Taman Desa Ranggu serta rumah mertua di Kg Jawa Tawau sebelum dikesan positif pada 22 Mei 2021. Siasatan lanjut untuk pengesanan kontak rapat sedang giat dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 3,486 unit

- Hospital 576 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,490 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 37.18%

B LARANGAN PENGKONGSIAN PERALATAN SEMBAHYANG DI PREMIS IBADAT

- 1 Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) **MEWAJIBKAN** semua jemaah supaya membawa sejадah dan telekung sendiri semasa menunaikan solat di masjid, surau atau bilik-bilik sembahyang yang disediakan oleh pemilik-pemilik premis perniagaan. Pihak pengurusan masjid, surau dan pemilik-pemilik premis perniagaan **TIDAK MENYEDIAKAN** peralatan tersebut.
- 2 Penganut agama Kristian, Buddha dan lain-lain juga **DIWAJIBKAN** membawa peralatan sendiri semasa beribadat di rumah ibadat masing-masing.
- 3 Notis mengenai kewajiban membawa peralatan sendiri hendaklah dipamerkan di semua premis ibadat. Larangan pengkongsian peralatan sembahyang di premis - premis ibadat adalah bagi membendung penularan COVID-19.

- C PERMAINAN GOLF**
- 1 Kebenaran permainan atau sukan golf pada masa ini hanyalah bagi tujuan rekreasi sahaja. Kebenaran ini juga adalah tertakluk hanya seorang pemain sahaja dibenarkan menggunakan sebuah *buggy*.
 - 2 Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri memutuskan untuk **TIDAK MEMBENARKAN** penganjuran sebarang pertandingan golf dengan serta merta sehingga 07 Jun 2021.
 - 3 Dengan keputusan ini, maka kebenaran penganjuran pertandingan golf yang dikeluarkan atau diluluskan oleh Kementerian Belia Dan Sukan Sabah sebelum ini adalah **DIBATALKAN** dengan serta merta.

D PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Panduan kebenaran / larangan masuk ke Sabah dari Wilayah Persekutuan Labuan bagi kategori keselamatan dan kesihatan (perubatan); *essential services* dan *essential goods*; dan kecemasan atau *review* di hospital berkuat kuasa 28 Mei 2021 sehingga 07 Jun 2021 (11:59 Malam) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

E GARIS PANDUAN (PINDAAN) PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 BAGI NEGERI SABAH

Garis panduan (pindaan) pelaksanaan aktiviti di masjid dan surau ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) COVID-19 bagi Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

F PKPD KAMPUNG BARU DUROK, KENINGAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan terkini kes COVID-19 di Kampung Baru Durok, Keningau.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 158 ujian saringan dan sebanyak 28 kes positif direkodkan dengan kadar positiviti ialah 17.72% di lokaliti tersebut.
- 3 KKM mendapati berlaku peningkatan kes amat ketara dalam masa yang singkat dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru Durok, Keningau berkuat kuasa 29 Mei sehingga 11 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD untuk menyekat pergerakan penduduk serta mengekang penularan wabak COVID 19 ke luar kawasan.

G PKPD KAMPUNG MOOK, KINARUT, PAPAR

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Mook, Kinarut, Papar.
- 2 Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 35 ujian saringan dilakukan oleh KKM dengan kadar positiviti ialah 25.7%.
- 3 Pada masa sama, telah berlaku penularan kes di semua lokaliti dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Mook, Kinarut, Papar berkuat kuasa 29 Mei sehingga 11 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 5 Pelaksanaan PKPD untuk menyekat pergerakan dan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

H SOP PKPD DI TAMAN KETIAU DAN TAMAN DESA SERI KETIAU, PUTATAN

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Ketiau Dan Taman Desa Seri Ketiau, Putatan adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

I SOP PKPD DI LADANG FELDA GLOBAL VENTURES (FGV) KALABAカン SELATAN, KALABAカン

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Felda Global Ventures (FGV) Kalabakan Selatan, Kalabakan adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

J SOP PKPD DI TIGA (3) LOKALITI DALAM DAERAH TAWAU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti dalam daerah Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN E**.

K SOP PKPD DI KG SUNGAI IMAM, TAWAU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Sungai Imam, Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN F**.

L SOP PKPD DI KG PIRASAN ULU, KOTA BELUD

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Pirasan Ulu, Kota Belud adalah seperti di **LAMPIRAN G**.

M SOP PKPD DI EMPAT (4) PERKAMPUNGAN DALAM DAERAH KUNAK

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di empat (4) perkampungan dalam daerah Kunak adalah seperti di **LAMPIRAN H**.

N STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **57,155** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **enam (6)** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,547** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **1,474** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,696** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **744** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **18,783** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **5,083** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **526,008** (mysejahtera 463,113 : laman web 62,670 : talian vaksinasi 225) bersamaan 17.9%.

O BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **323,255** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

P LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 60 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 41,028 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 184 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 68 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 71 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 14 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
 - 40 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
 - Sembilan (9) orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Lapan (8) orang : Lain-lain kesalahan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 91 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 320 lokasi melibatkan seramai 220 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 73 anggota di 60 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu di daerah Semporna, Sandakan, Kota Kinabalu, Kinabatangan, Tawau dan Keningau.

7 Sejumlah 80 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 13 daerah pada hari ini.

Q KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	98%
2	Beluran	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Kudat	98%
5	Beaufort	98%
6	Keningau	98%
7	Ranau	98%
8	Kinabatangan	98%
9	Sipitang	98%
10	Tuaran	97%
11	Kunak	97%
12	Semporna	97%
13	Penampang	97%
14	Sandakan	97%
15	Lahad Datu	97%
16	Kota Belud	96.5%
17	Kota Kinabalu	96.5%
18	Tawau	96.5%
19	Papar	96.5%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

PKPB

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN BAGI KATEGORI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (PERUBATAN); ESSENTIAL SERVICES DAN ESSENTIAL GOODS; DAN KECEMASAN ATAU REVIEW DI HOSPITAL.
BERKUATKUASA 28 MEI 2021 – 7 JUN 2021 (11:59 malam)*

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
1	Warganegara	(a) Bekerja di Negeri Sabah & Urusan Rasmi i. Keselamatan ii. Kesihatan (Perubatan)	HENDAKLAH memiliki dokumen sokongan asal yang sah dan terkini daripada majikan (Letterhead, Nama, No. MyKad, Jawatan).	I. Tidak mempunyai dokumen sokongan asal yang sah dan terkini; II. Tanggungan.
		(b) Bekerja di Negeri Sabah & Urusan Rasmi i. Essential Services	HENDAKLAH memiliki Kelulusan Khas Kerajaan Negeri Sabah.	TIDAK memiliki Kelulusan Khas Kerajaan Negeri Sabah.
		(c) Bekerja di Negeri Sabah & Urusan Rasmi i. Essential Goods - Pengangkutan Lori / Feri Awam	HENDAKLAH mematuhi SOP Sektor Pengangkutan Lori Memasuki W.P. Labuan seperti di Lampiran A.	TIDAK mematuhi SOP Sektor Pengangkutan Lori Memasuki W.P. Labuan seperti di Lampiran A.
		(d) Kecemasan atau Review di hospital	I. HENDAKLAH membuktikan dokumen-dokumen sokongan daripada hospital. II. Setu (1) orang Tanggungan (Suami / Isteri / Anak) sahaja dengan membuktikan perhubungan atau Penjaga membuatkan dokumen sokongan daripada hospital. HENDAKLAH memiliki Kelulusan Khas Kerajaan Negeri Sabah.	Tidak memiliki Kelulusan Khas Kerajaan Negeri Sabah.

ORANG AWAM YANG TIDAK DISENARAIKAN DALAM KATEGORI ADALAH TIDAK DIBENARKAN MASUK KE NEGERI SABAH

Note:

1. Sila layan: <https://heydp.sabah.gov.my/> untuk permohonan Kelulusan Khas Kerajaan Negeri Sabah. Permohonan Kelulusan Khas hanya layak untuk dipertimbangkan bagi kategori yang disenaraikan sahaja.

2. Semua kerjasama ke negeri Sabah adalah tertakluk kepada SOP sedia ada:

- i. Mendapat kebenaran PDRM untuk merentas negeri;
- ii. Keputusan NEGATIF ujian COVID-19 (RT-PCR) dalam tempoh lima (5) hari sebelum perjalanan; dan
- iii. Kuarantin WAJIB selama 14 hari. **

* Perjalanan tanpa berkualifikasi adalah bertakluk dengan arahan-arahan dan SOP semasa.

** Pengacalian kuarantin adalah BUKAN satu pilihan / option. Pengacalian kuarantin adalah diperintahkan atas perintitan risiko oleh pihak Kesihatan Negeri Sabah.

Kemas kini pada: 27 Mei 2021_17
Mula suai: 1/4



PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI



جایز حلال حلال مسلا منکری نیزاب



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

GARIS PANDUAN (PINDAAN) PELAKSANAAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 BAGI NEGERI SABAH

1.0 TUJUAN :

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Pentadbir Masjid/Surau, Pegawai Masjid dan ahli kariah dalam tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** akibat penularan Covid-19 di negeri Sabah namun pelaksanaan SOP adalah kekal mengikut **Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharaan (PKPP)**.

2.0 OBJEKTIF :

- 2.1. Menyelaras pelaksanaan tugas mengikut ketetapan dari pihak berkuasa.
- 2.2. Mengurus masyarakat agar mematuhi arahan **PKP COVID-19** semasa pelaksanaan :
 - i. Solat berjemaah lima (5) waktu.
 - ii. Solat Jumaat.
 - iii. Pengurusan Jenazah.
 - iv. Aktiviti Pengimaranan. (Kelas Agama/Kuliah/Kelas Takmir)
- 2.3. Mengkekang penularan wabak Covid-19 di kalangan ahli jemaah.

3.0 TARIKH BERKUATKUASA : 27 Mei 2021M / 15 Syawal 1442H hingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

4.0 PELAKSANAAN SOP :

Kebenaran aktiviti solat lima waktu dan solat Jumaat mengambil kira *Maqasid al-Syar'ieyyah*, pandangan daripada Pejabat Mufti Negeri Sabah dan laporan dari semasa ke semasa pihak berkuasa.

5.0 PERSEDIAAN MASJID / SURAU :-

BIL	PENERANGAN
1.	<p>Penyediaan kaunter pemeriksaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Daftar QR kod MySejahtera / Sabah Trace atau Buku rekod kehadiran jemaah : Nama, nombor telefon & suhu badan. (tidak melebihi dari 37.5 °C) • Sanitasi tangan. • Alat Pengimbas suhu.
2.	Sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wudhu' sebelum dan selepas solat;
3.	Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa;
4.	Saf solat disusun berdasarkan jarak penjarakan sosial iaitu satu (1) meter yang telah dibuat penandaan terlebih dahulu;
5.	Kadar jemaah mengikut kapasiti keluasan masjid/surau;
6.	<p>Ahli Jemaah yang TIDAK DIBENARKAN HADIR:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Ahli kariah yang masih dalam tempoh PUI dan PUS COVID-19. ii. Ahli jemaah yang berisiko tinggi. iii. Ahli jemaah yang mempunyai simptom Covid-19 seperti demam, batuk, selesema, sesak nafas, alahan dan seumpamanya. iv. Kanak-kanak (10 tahun ke bawah).

6.0 SOLAT BERJEMAAH LIMA (5) WAKTU

BIL	PENERANGAN
1.	Diharbakar pemakaian Pelitup Muka (face mask) sepanjang masa;
2.	Diharbakar mendaftar kehadiran samada secara QR kod ataupun bertulis;
3.	Diharbakar membawa sejадah sendiri serta telekung bagi jemaah wanita (PINDAAN);
4.	Digalakkan mengambil air wuduk dari rumah;
5.	Melaksanakan penjarakan sosial (<i>social distancing</i>) di dalam dan luar masjid/surau;
6.	Cara masuk dan keluar masjid mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal;

- | | |
|-----|--|
| 7. | Jemaah dipastikan terus bersurai dalam keadaan tenang melalui arah keluar yang telah ditetapkan; |
| 8. | Memastikan amalan bersalamam dan berpelukan tidak dilakukan; |
| 9. | Memastikan terus berada di dalam saf solat berjemaah yang telah ditandakan dan perlu mematuhi penjarakan sosial iaitu satu (1) meter antara jemaah; |
| 10 | Amalan berselawat selepas solat boleh dilaksanakan tetapi tindakan bersalamam tidak dibenarkan; dan |
| 11. | Jamuan hanya dibenarkan dalam bentuk bungkusan (<i>tapau</i>). |

7.0 SOLAT JUMAAT

PERKARA	TINDAKAN
Azan pertama dilaungkan.	
Khatib mengambil tempat sejurus selepas solat qobliah setelah selesai azan pertama dan azan kedua terus dilaungkan dengan tempoh yang lebih pendek dari azan pertama.	BILAL
<ul style="list-style-type: none"> • Khatib memendekkan bacaan khutbah pertama dan kedua selama maksima 10 minit seperti yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). • Hanya penggunaan teks khutbah JHEAINS atau yang telah mendapat pengiktirafan sahaja yang dibenarkan. • Teks khutbah JHEAINS boleh dimuat turun di laman sesawang https://jheains.sabah.gov.my/index.php/perkhidmatan/khutbah-jumaat 	IMAM
Solat Jumaat ditunaikan dalam tempoh masa maksima selama TUJUH (7) minit.	
Imam membaca surah atau ayat yang pendek dan membaca <i>Doa Qunut Nazilah</i> .	
Selepas Imam memberi salam, wirid dan doa yang ringkas sahaja.	
Azan Jumaat mengikut waktu Zohor.	PIHAK PENGURUSAN/ PENTADBIRAN MASJID

PERINGATAN : Jika ada jemaah disyaki atau disahkan *positive COVID-19*, masjid/surau tersebut

perlu melakukan proses sanitasi penuh dan jemaah lain yang hadir pada hari berkenaan perlu melakukan saringan mengikut prosedur Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

8.0 PENGURUSAN JENAZAH

PERKARA	PENERANGAN
PENGURUSAN JENAZAH	<p>Waris hendaklah melaporkan kepada pihak PDRM dengan kadar segera;</p> <p>Waris perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bahawa jenazah bukan pesakit Covid-19;</p> <p>Jenazah yang disahkan COVID-19 akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak KKM;</p> <p>Pihak yang menguruskan jenazah seperti waris / Imam / Bilal / Siak / AJK Masjid bukan tergolong dalam kumpulan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Masih dalam tempoh kuarantin wajib. ii. Memiliki kontak dengan pesakit Covid-19. iii. Memiliki simptom atau gejala Covid-19 seperti demam, selsema, sakit tekak, sesak nafas atau seumpamanya. <p>Elak bersalaman atau berpelukan semasa dalam upacara ini.</p> <p>Mematuhi penjarakan satu (1) meter antara satu sama lain.</p> <p>Pengurusan Jenazah dilakukan mengikut <i>Prosedur Operasi Standard (SOP)</i> sedia ada;</p>
MEMANDIKAN DAN MENGKAFANKAN JENAZAH	<p>Pihak yang memandikan dan mengkafankan jenazah seperti waris / Imam / Bilal / Siak / AJK Masjid hendaklah menyediakan peralatan keperluan memandikan jenazah termasuk peralatan perlindungan diri bagi mereka yang mengurus jenazah seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sarung tangan bergetah. ii. Pelitup muka. iii. Apron. iv. Kasut getah. <p>Memastikan kebersihan diri setelah selesai memandikan dan mengkafankan jenazah seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum bertemu ahli keluarga yang lain.</p>
SOLAT JENAZAH	Kehadiran solat jenazah dibenarkan mengikut kapasiti masjid/surau dengan penjarakan 1 meter;

PENGKEBUMIAN	Ahli jemaah yang mempunyai simptom Covid-19 seperti demam, batuk, selsema, sesak nafas, alahan, sakit tekak, penyakit kronik dan seumpamanya TIDAK DIBENARKAN turut serta. Elakkan daripada bersalaman atau berpelukan selepas solat jenazah. Ahli jemaah hendaklah beredar terus dan bersurai sejurus selepas selesai solat jenazah.
ZIARAH KUBUR	Kaum kerabat atau orang awam yang menghadiri pengurusan pengkebumian jenazah hendaklah mematuhi SOP dan menjaga penjarakkan serta tidak bersesak-sesak. Ziarah kubur dibenarkan dengan mematuhi <i>Prosedur Operasi Standard (SOP)</i> sedia ada dan tidak melebihi enam (6) orang setiap lot kuburan dalam satu masa.

9.0 AKTIVITI PENGIMARAHAN

BIL	PENERANGAN
1.	Majlis ilmu seperti Kuliah Subuh, Dhuha, Zohor, Maghrib, bacaan Yassin & Tahlil dan sebagainya DIBENARKAN .
2.	Kuliah Maghrib ditamatkan sebaik sahaja masuk waktu solat Isya'.
3.	Jamuan makan selepas kuliah Subuh, Dhuha, Zohor / Program keagamaan dan selepas solat Isya' dibenarkan tetapi dalam bentuk bungkusan (<i>Tapau</i>).
4.	Ahli Jemaah yang hadir hendaklah mematuhi amalan norma baharu seperti: <ul style="list-style-type: none"> i. Mengelakkan penjarakan satu (1) meter semasa kuliah berlangsung hingga tamat. ii. Sentiasa memakai Pelitup Muka. iii. Sentiasa menjaga dan memelihara kebersihan. iv. Tidak bersalam-salaman.

10.0 PENUTUP :

Garis Panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua anggota masyarakat sama ada Pentadbir Masjid/Surau, Pegawai Masjid dan ahli kariah. Pentadbir Masjid/Surau, Pegawai Masjid dan ahli kariah adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas sebarang perlanggaran terhadap arahan dan tatacara yang ditetapkan ini.

Pelaksanaan Garis Panduan ini hanya bagi daerah/kawasan yang berstatus **PKPP** dan **PKPB** manakala daerah/kawasan yang diisyiharkan berstatus **PKP** dan **PKPD** adalah tertakluk dengan **Garis Panduan PKP dan PKPD**.

Pengarah
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
27 Mei 2021/15 SYAWAL 1442H

LAMPIRAN C

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD) DI TMN KETIAU DAN TMN DESA SERI KETIAU, PUTATAN,
SABAH

Dikemaskini pada 26 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam Waktu Aktiviti Dibenarkan Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas Pergerakan Penduduk Dibenarkan dengan bersyarat
---	--

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> 2 Lokaliti di Daerah Putatan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. Tmn Ketiau, Putatan, Sabah ii. Tmn Desa Seri Ketiau, Putatan, Sabah
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 26 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 8 Jun 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD) DI TMN KETIAU DAN TMN DESA SERI KETIAU, PUTATAN,
SABAH

Dikemaskini pada 26 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam Waktu Aktiviti Dibenarkan Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas Pergerakan Penduduk Dibenarkan dengan bersyarat
---	--

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Seuja penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Se semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: 									
	<table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="background-color: red; color: white;">Bil.</th> <th style="background-color: red; color: white;">Premis Perniagaan</th> <th style="background-color: red; color: white;">Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Kedai Runcit / Mini Market</td> <td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pasar / Pasar bergerak</td> <td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD) DI TMN KETIAU DAN TMN DESA SERI KETIAU, PUTATAN,
SABAH**

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperi ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	---	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: <ul style="list-style-type: none"> a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan b) membeli keperluan asas. • Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. • Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. • Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. • KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. • Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.

LAMPIRAN D

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD) DI LADANG FELDA GLOBAL VENTURES (FGV)
KALABAKAN SELATAN, KALABAKAN, SABAH

Dikemaskini pada 26 Mei 2021

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none">Mendapatkan bekalan makanan.Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none">Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none">Subseksyen 11 (3) Akta 342Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--	--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none">Meliputi seluruh Ladang Felda Global Ventures (FGV) Kalabakan Selatan, Kalabakan, Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none">26 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 8 Jun 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none">PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

 SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD) DI LADANG FELDA GLOBAL VENTURES (FGV)
KALABAKAN SELATAN, KALABAKAN, SABAH

Dikemaskini pada 26 Mei 2021

